

SOALAN NO. 495**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan semua projek pelebaran dan penambahbaikan jalan-jalan serta penambahbaikan sistem-sistem perparitan di Parlimen Batu Kawan mengikut kawasan DUN serta status projek-projek tersebut daripada projek Rancangan Malaysia Ke-9 sehingga Rancangan Malaysia Ke-11.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan hingga tempoh terkini Rancangan Malaysia Kesebelas, sebanyak 5 projek naik taraf jalan termasuk jambatan, naik taraf sistem saliran pertanian dan pemuliharaan sungai di Parlimen Batu Kawan telah dilaksanakan. Maklumat adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	KOS
1.	Naik Taraf Jambatan Pulau Pinang	RM183.1 juta
2.	Mengganti dan Menukar Keseluruhan <i>Cable Stay</i> di Jambatan Pulau Pinang	RM173.4 juta
3.	Pemuliharaan Sungai Juru	RM100 juta
4.	Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 dari Persimpangan Permatang Keling ke Jambatan Sungai Junjong	RM344 juta
5.	Menaik Taraf Sistem Saliran Pertanian Bukit Tambun	RM5 juta

Sekian, terima kasih.